# OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM (PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES (PEO)) DAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PROGRAMME LEARNING OUTCOMES (PLO)) PROGRAM KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR (KYPJ)

| PROGRAM KYPJ | PEO | PLO |
|---|---|---|
| **DIPLOMA SENIBINA (DSB)** | 1) Seorang pembantu arkitek perlu berupaya mengamalkan pelbagai disiplin ilmu dalam bidang pekerjaan samada secara teknikal, teknologi dan sosial yang menepati kehendak pasaran.<br><br>2) Seorang pembantu arkitek perlu berkemahiran dalam aspek komunikasi mempamerkan kualiti kepimpinan yang baik dalam sesebuah organisasi.<br><br>3) Seorang pembantu arkitek berupaya berfikir secara kreatif dan kritis, berintegriti serta beretika, berketerampilan serta mempunyai jati diri yang kuat, mapan serta berperibadi mulia dalam persekitaran lestari. | 1) Memperolehi pengetahuan mengenai asas reka bentuk senibina dan teknologi senibina serta aspek-aspek teknikal.<br><br>2) Mengaplikasikan kemahiran reka bentuk, teknikal dan teknologi ke dalam lukisan senibina.<br><br>3) Mempraktikkan nilai dan etika kerja berkaitan dengan aspek sosial dan budaya kerja serta persekitaran yang lestari.<br><br>4) Melaksanakan tugas secara professional berlandaskan etika profesion dengan kompeten, berakhlak dan bertanggungjawab (terhadap agama, bangsa dan Negara).<br><br>5) Berupaya berkomunikasi secara berkesan bukan sahaja dengan kumpulan reka bentuk tetapi juga meliputi masyarakat secara keseluruhannya.<br><br>6) Berkebolehan mengenalpasti, menganalisa dan menyelesaikan masalah-masalah berkaitan reka bentuk dan lukisan teknikal, serta berkemahiran menggunakan perisian komputer berkaitan.<br><br>7) Meneroka isu dan situasi untuk menggarap pengetahuan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi.<br><br>8) Menguruskan elemen-elemen pengurusan projek pembinaan dan mempraktikkan dasar-dasar awam, serta cenderung ke arah peluang perniagaan yang positif. |